



UNTUK EDARAN
SEGERA

SIARAN MEDIA

KADAR DIVIDEN LEMBAGA TABUNG ANGGATAN TENTERA (LTAT) TAHUN 2021 MENINGKAT ADALAH BUKTI KEMAJUAN PELAN TRANSFORMASI

KUALA LUMPUR, 6 Mac 2022: Berikutan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dengan kelulusan Menteri Pertahanan, hari ini mengisytiharkan kadar dividen sebanyak **4.1** peratus untuk tahun 2021 berbanding 3.5 peratus pada tahun sebelumnya. Jumlah agihan dividen untuk tahun 2021 adalah sebanyak RM379.4 juta berbanding dengan RM310.0 juta pada tahun 2020. Bagi tahun kewangan 2021, LTAT telah mencatatkan peningkatan pendapatan kasar sebanyak 50.2 peratus kepada RM512.3 juta berbanding RM341.1 juta yang dicatatkan pada tahun 2020.

Peningkatan pendapatan kasar untuk tahun 2021 telah menyumbang kepada pertumbuhan berganda bagi pendapatan bersih sebanyak 182.2 peratus kepada RM381.1 juta berbanding RM135.0 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, Keuntungan Tertahan LTAT bagi tahun 2021 telah meningkat kepada RM672.6 juta berbanding RM193.2 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Pengerusi, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara), berkata, "LTAT komited untuk memastikan supaya nilai simpanan pencarum dari kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah mampan, terjamin dan selamat. Komitmen ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memastikan kebajikan anggota ATM yang telah banyak berkorban dan mengabdikan diri demi keselamatan dan kedaulatan negara."

Pelan Transformasi strategik lima tahun LTAT (2019 – 2023) merupakan satu usaha untuk menjadikan LTAT sebagai dana simpanan persaraan yang mampu mengisytiharkan dividen yang mampan kepada ahlinya. Salah satu inisiatif penting yang dikenalpasti adalah melibatkan pindaan kepada Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta TAT 101) yang juga merupakan salah satu pemangkin utama kepada keberkesanan dan keberjayaan perjalanan transformasi ini.

Fokus utama Pelan Transformasi LTAT juga adalah terhadap pelaksanaan pelan pemulihan pelaburan berpandukan Kerangka Perumpukan Aset Strategik (SAA). Pengimbangan semula aset pelaburan LTAT ke arah julat yang ditetapkan oleh Perumpukan Aset Strategik dapat:

- Mengurangkan risiko ketidakupayaan LTAT untuk mengisytiharkan dividen pada paras yang kompetitif (sekurang-kurangnya pada kadar simpanan tetap + 1.25%) dalam sesuatu tahun;
- Memulihkan daya tahan aset pelaburan LTAT dalam menghadapi ketidaktentuan pasaran modal dan ekonomi; dan
- Mengurangkan risiko tahap kesolvenan aset pelaburan LTAT jatuh di bawah paras yang dilihat bersesuaian dengan portfolio pelaburan dana persaraan yang bersifat jangka panjang.

“Saya merakamkan setinggi-tinggi Tahniah dan Syabas kepada barisan kepimpinan LTAT yang diterajui Ketua Eksekutif, Dato’ Nazim Rahman atas pencapaian ini. Jika diamati Pelan Transformasi LTAT bukan sahaja berada pada landasan yang baik, tetapi ia dilaksanakan oleh satu tim yang dinamik dan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan prestasi pulangan pelaburan selaras dengan visi LTAT untuk menjamin simpanan serta kepentingan pencarum terus dijaga. Penghargaan yang sama juga kepada Ahli Lembaga LTAT di atas bimbangan dan kebijaksanaan,” tambah beliau.

Pengkreditan Dividen 2021 akan dilaksanakan pada hari **Isnin, 7 Mac 2022**. Pencarum boleh mendapat maklumat terkini melalui aplikasi mudah alih MyWira atau menerusi laman web LTAT di www.ltat.org.my. Aplikasi MyWira ini boleh dimuat turun dari *Google Play Store* atau *Apple App Store*.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT) 6 MAC 2022

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan badan berkanun yang menyediakan kemudahan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela menabung untuk persaraan mereka.

Di bawah skim LTAT, pencarum dikehendaki wajib mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan. LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat.

LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Pn. Nurin Mastura
Pengurus, Komunikasi
Jabatan Komunikasi
Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Tingkat 8, Bangunan LTAT
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: nurin@ltat.org.my
Laman web: www.ltat.org.my